

2.0 KOS KERJA-KERJA AM (GENERAL ITEMS)

2.1 TUJUAN DAN DEFINASI

Bahagian ini mengandungi maklumat berhubung dengan kos bagi melaksanakan kerja-kerja di bawah kategori 'kerja-kerja am' (general items) seperti yang diklasifikasikan di dalam CESMM - *Civil Engineering Standard Method Of Measurement*). Terdapat sesetengah dokumen yang menamakan bahagian ini sebagai 'preliminaries' ataupun 'kerja-kerja pendahuluan'.

2.2 BENTUK MAKLUMAT DAN PEMBAHAGIAN

Maklumat bagi bahagian ini diberikan dalam bentuk Peratusan Ke Atas Kos Kerja Pembina Mengikut Butiran Terperinci. Peratusan tersebut hanyalah sebagai panduan sahaja dan semakan penganalisaan lanjut perlu dibuat dari masa ke semasa.

2.2.1 Peratusan Ke Atas Kos Kerja Pembina Mengikut Butiran Terperinci

Bagi butiran terperinci diberikan dalam dua bentuk iaitu:

- i) Bagi item dalam bentuk 'Lump Sum', maklumat diberikan dalam bentuk peratusan atau / dan
- ii) Bagi item dalam bentuk 'unit', maklumat diberikan dalam bentuk kos seunit

2.2.2 Cara Pengiraan

$$\frac{\text{Item in G.I.}}{(C.S. - G.I.)} \times 100$$

<i>Petunjuk:</i>	i)	<i>G.I.</i>	:	<i>Kos Kerja Am (General Items)</i>
	ii)	<i>C.S.</i>	:	<i>Harga Kontrak (Contract Sum)</i>